

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Kata-kata Aluan	i
Surat Penyerahan	ii
Isi Kandungan	iii
Penghargaan	iv
Interpretasi Logo	1
Pengenalan	2
Tujuan Rancangan Perniagaan	4
Latar Belakang Perniagaan	5
Latar Belakang Ahli Kongsi	6
Rancangan Pentadbiran	10
Rancangan Pemasaran	26
Rancangan Operasi	38
Rancangan Kewangan	56
Kesimpulan	77
	78

## PENDAHULUAN

Masyarakat kita hari ini sudah sedar akan nilai sesebuah kehidupan. Kesihatan yang baik merupakan satu tanda kepada kehidupan yang bahagia dan harmoni. Pelbagai usaha untuk mempertingkatkan kesihatan samaada dengan cara moden atau menggunakan ubatan tradisional.

Kebanyakan generasi terdahulu percaya bahawa amalan pemakanan ulaman adalah salah satu daripada usaha untuk mengekalkan kesihatan. Ulaman adalah disebut sebagai herba ini telah diakui faedahnya dan ianya perlu didedahkan untuk kesejahteraan semua manusia hari ini. Menurut kajian ahli kaji tumbuh-tumbuhan terdapat lebih dari 1230 spesies herba di dunia dan ianya perlu dimanfaatkan untuk mengubati pelbagai jenis penyakit yang ada pada zaman moden ini.

Salah satu daripada herba ini ialah daun pegaga yang mana bagi pengamal daun pegaga ianya dijadikan bahan kacantikan seperti awet muda dan pelawas. Daun pegaga dari segi saintifik diberi nama sebagai *Hydrocotyle Asiatica*, mempunyai banyak khasiat terutama dalam penyembuhan pelbagai jenis penyakit. Dengan adanya teknologi baru, daun pegaga bukan hanya dimakan begitu saja tetapi ia juga boleh dijadikan daun teh atau diproses dalam bentuk pil. Khasiat serta kesegarannya adalah sama dengan pegaga segar yang biasanya dimakan mentah, cuma ianya diformulasikan melalui pengeluaran secara moden tanpa menjaskankan kualiti serta keberkesanannya.

Dengan adanya pendekatan baru dalam memasarkan produk pegaga ini, maka ianya mudah diperolehi dan mudah pula disediakan tanpa perlu para pengguna bersusah payah mencari daun pegaga segar terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar.

Fakta sains juga ada menyatakan bahawa bahan kimia yang terdapat dalam pokok pegaga amat berkesan untuk menyembuhkan penyakit. Kimia Asiaticoside yang terdapat di dalamnya boleh diklasifikasikan sebagai antibiotik. Di India, daun pegaga digunakan untuk menyembuhkan penyakit batuk kering dan kusta. Selain itu juga ia boleh menyembuhkan luka. Antara kelebihan lain dalam penggunaan daun pegaga ialah sebagai pelawas, untuk kesegaran badan, sebagai amalan wanita mengandung, kencing manis atau darah tinggi, masalah kulit, masalah selulit, ubat batuk dan pelancar kepada proses pembuangan kencing dan usus.

Dengan tertubuhnya syarikat ini, kami yakin produk ini akan dapat menembusi pasaran luar negara dan setanding dengan syarikat pengeluar makanan kesihatan yang lain. Menyedari hakikat ini, kami Syarikat Pesona Impian Sdn.Bhd mengambil kesempatan ini untuk melaksanakan projek pembungkusan, pembekalan dan pemasaran kepada wakil-wakil penjual di pasaraya, kedai-kedai runcit dan farmasi selaras dengan hasrat kerajaan meningkatkan taraf kesihatan penduduk.

## **LATAR BELAKANG PROJEK**

### **Lokasi Tapak Projek**

Pesona Impian Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk memilih di Lot 5 Kawasan MIEL Jejawi Fasa II, Jalan Jejawi Sematang, 02600 Jejawi, Perlis.

Pemilihan lokasi perniagaan ini adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:

#### a) Berdekatan dengan bahan input

Lokasi syarikat ini adalah berhampiran dengan kawasan penanaman pegaga yang dijalankan oleh penduduk kampung.

#### b) Pembangunan dan Sistem Perhubungan

Pembangunan pesat di kawasan ini dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta dalam jangka masa pendek atau jangka masa panjang. Sistem perhubungan utama di kawasan ini ialah jalanraya yang baik dan cekap untuk memudahkan kerja-kerja perniagaan yang dijalankan seperti pengangkutan bahan mentah.

Selain itu ianya dapat memudahkan lagi kerja-kerja pengedaran dengan tujuan untuk pemasaran keluaran syarikat.

#### c) Keperluan Tenaga Kerja

Lokasi perniagaan ini berhampiran dengan kampung-kampung Melayu dan kebanyakannya dari golongan petani. Dengan ini syarikat senang mendapatkan keperluan tenaga yang mahir dan murah dalam menjalankan tugas-tugas tertentu. Kebanyakan tenaga pekerja adalah para belia yang menganggur dan suri rumah yang ingin mendapatkan sampingan.

#### d) Kedudukan Fizikal Projek

Kawasan projek ini terletak di atas tanah kosong dan terletak di kawasan tanah yang terletak jauh dari kawasan banjir.

#### e) Kedudukan Bangunan Perniagaan

Kedudukan bangunan yang dipersetujui terletak di Lot 5 Kawasan MIEL Jejawi Fasa II, Jalan Jejawi Sematang, 02600 Jejawi, Perlis.

#### f) Kemudahan Asas

Tanah projek perniagaan terletak di kawasan yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap membolehkan perniagaan beroperasi dengan lancar. Kemudahan asas seperti air, elektrik dan telefon boleh didapati apabila permohonan



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY  
02600 Arau, Perlis, Malaysia

CAWANGAN PERLIS

## PERLIS BRANCH

Telefon : 04-9861001-2-3  
Faksimili : 04-9862233

Tarikh:

Rujukan : 100-ITMCPS (HEA/KK-30/7B) Jld. 8  
Tarikh : 31 Disember 1998

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

#### PENGESAHAN SEBAGAI PELAJAR ITM

UNTUK PROJEK : PROJEK PEMBUATAN TEH HERBA DARI DAUN PEGAGA  
KURSUS : DIPLOMA IN CIVIL ENGINEERING  
MATA PELAJARAN : ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)

Dengan ini disahkan bahawa nama-nama seperti senarai di bawah adalah pelajar Institut Teknologi MARA Cawangan Perlis.

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>No. Kad Pelajar</u>
1.	Kahma Shufana Abdul Kadir	96237002
2.	Safinas Saroji	96236939
3.	Rozita Ibrahim	96236946
4.	Nik Norhanis Che Sohok	95199092

Untuk makluman tuan/puan mereka ini sedang mengikuti mata pelajaran yang tersebut di atas sebagai keperluan kursus sebelum di anugerahkan Diploma.

Untuk membolehkan mereka menyiapkan kertas projek tersebut, mereka memerlukan maklumat atau bahan dari pihak tuan/puan.

Sehubungan dengan itu, sukcita kami sekiranya pihak tuan/puan dapat membekalkan apa-apa maklumat atau bahan yang diperlukan oleh mereka seperti brosur, risalah dan sebagainya. Sekiranya bahan yang diperlukan oleh pelajar itu merupakan dokumen penting pejabat, ianya bolehlah dibuat salinan fotostat dan kosnya ditanggung oleh pelajar. Maklumat atau bahan yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik.

Kerjasama pihak tuan/puan dalam hal ini sangat-sangat kami hargai dan pihak ITM Cawangan Perlis mendahuluiinya dengan ucapan terima kasih. Sekian.

Yang benar,

DR. HJ. KHUDZIR H.J. ISMAIL  
Timbalan Provos HEA  
b/p Provos

- s.k: 1. En. Amran Awang - Pensyarah  
2. Fail 100-ITMCPS (HEA-30/7B)

# **LATARBELAKANG PEMILIK SYARIKAT**